



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**BALAI RAYA NRES BIL. 3/2025
DAN MAJLIS IFTAR**

3 MAC 2025 (ISNIN)

DEWAN DAMAR SARI, KOMPLEKS F8

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

- 1. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**
Timbalan Menteri NRES
- 2. Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
- 3. Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
- 4. Yang Berusaha Puan Norsham Abdul Latip**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
- 5. Yang Berbahagia Dato' Wan Abd Latiff Wan Jaafar**
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
- 6. Yang Berusaha Ustaz Mohd Hariri Haji Mohamad Daud**
Pegawai Kanan Hal Ehwal Islam JAKIM
- 7. Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi**
- 8. Pegawai-pegawai Kanan**
- 9. Rakan-rakan media**
- 10. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah. Puji dan syukur kita panjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dan berkumpul di Majlis Balai Raya NRES yang ketiga untuk tahun ini serta majlis berbuka puasa. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan mengajak semua untuk menghayati rasa syukur atas segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT.
2. Marilah kita menghayati bulan Ramadan ini dengan penuh rasa syukur, kerana Ramadan adalah bulan yang penuh dengan kemuliaan, peluang untuk meningkatkan amalan dan mendekatkan diri kepada Allah. Bulan di mana kita diberi kesempatan untuk membersihkan diri dari dosa dan memperbanyakkan amal kebajikan. Semoga kita semua diberi kekuatan untuk menunaikan ibadah puasa dengan sebaik-baiknya dan mendapatkan keredhaan Allah.
3. Terlebih dahulu, di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) selaku urusetia bersama bagi penganjuran majlis hari ini. Penganjuran program seperti ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada kita semua, tetapi juga mengukuhkan lagi hubungan silaturahim sesama kita.

Hadirin sekalian,

PERMUKIMAN NRES 2025

4. Baru-baru ini Kementerian telah mengadakan Permukiman Strategik NRES Tahun 2025. Saya telah menyentuh tentang hala tuju NRES pada tahun ini yang memerlukan komitmen lebih terutama dari aspek kerjasama strategik dengan *third party*. Saya percaya bahawa salah satu pemboleh daya yang perlu diberi penekanan adalah dengan memperkukuh jalinan kerjasama atau kolaborasi strategik dengan pemegang taruh.
5. Penglibatan pihak berkepentingan seperti Kementerian-kementerian lain, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, sektor perniagaan dan industri, ahli akademik, pertubuhan masyarakat sivil dan komuniti di peringkat akar umbi perlu diambil kira dalam setiap dasar dan pelan tindakan yang dirangka demi memberikan impak dan kesan yang lebih holistik.
6. NRES memainkan peranan yang penting, kerana apabila bercakap soal bencana alam, ia tidak akan terpisah dengan komitmen yang dimainkan oleh NRES. Atas kesedaran itu kita perlu memastikan komitmen kita mendapat kerjasama erat daripada pemegang taruh bagi memastikan sasaran yang ditetapkan sama ada di peringkat negara mahupun antarabangsa dapat dicapai demi kepentingan bersama. NRES sebagai peneraju dalam sektor sumber asli dan kelestarian alam, mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan amanah khazanah negara pada hari ini dapat diwarisi generasi akan datang. Atas dasar itu kita perlu bergerak seiring dengan ekspektasi rakyat. Kita juga perlu bertindak pantas dan inklusif.

7. Permukiman tidak boleh dianggap sebagai rutin *exercise* tetapi kita juga harus melihat semula apa yang telah kita lalui, cabaran baharu dan bagaimana kita menghadapi perkara tersebut. Ia perlu bersifat anjal kerana situasi di luar sangat mencabar. Dengan tuntutan rakyat, sektor swasta dan sebagainya, kita perlu memahami peranan besar NRES ke arah mencapai Malaysia MADANI dan memenuhi perkara tersebut. Kita tidak boleh bersifat defensif dan perlu jujur serta yakin dengan apa yang dilakukan dan bagaimana cara terbaik untuk pergi lebih jauh lagi.
8. Bergerak ke hadapan adalah lebih mencabar dan kita tidak boleh *complacent*. Apa juga isu-isu tentang alam sekitar perlu ditangani bersama dan kita berharap akan dapat penyelesaian lebih holistik daripada ASEAN tahun ini. Kita sedia maklum, pada Oktober nanti akan ada *flagship* program Kementerian iaitu IGEM dan terbaru, KL Sustainability Summit yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KOMITMEN MALAYSIA DALAM MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DI COP30

9. Malaysia kekal komited dalam mencapai sasaran sifar bersih karbon menjelang 2050 melalui pelbagai inisiatif yang selari dengan prinsip pembangunan mampan. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan biodiversiti dan sumber asli, kita bertanggungjawab memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar.

10. Oleh itu, COP30 adalah peluang untuk Malaysia mengetengahkan dasar serta langkah-langkah konkrit yang akan mempercepatkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.
11. Dalam menghadapi cabaran perubahan iklim, kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat amat diperlukan untuk memastikan semua usaha ini dapat direalisasikan dengan berkesan. Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam rundingan antarabangsa bagi memastikan keadilan iklim ditegakkan, terutama dalam aspek pembiayaan iklim dan pemindahan teknologi kepada negara sedang membangun.
12. Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkasa inovasi, pelaburan mampan, dan pembangunan tenaga hijau bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat dan lestari. Dengan iltizam serta usaha kolektif, kita mampu membawa perubahan yang bermakna untuk generasi akan datang.

Hadirin sekalian,

PEMBANGUNAN INDUSTRI REE MAMPAN

13. Kita sedia maklum, industri Rare Earth Elements (REE) di Malaysia berpotensi besar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam teknologi hijau dan perindustrian berteknologi tinggi. Kerajaan komited memastikan perlombongan dan pemprosesan REE dilaksanakan secara lestari, mengikut garis panduan ketat bagi melindungi alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

14. Usaha juga dipergiat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan teknologi pemprosesan yang lebih mesra alam dan memberi nilai tambah sebelum eksport.
15. Sebagai langkah strategik, Malaysia akan memperkenalkan dasar perlombongan REE yang mampan serta menarik pelaburan dalam sektor hiliran seperti pembuatan magnet kekal dan bateri berprestasi tinggi. Kerjasama dengan institusi penyelidikan dan syarikat antarabangsa akan diperkukuh bagi memastikan pemindahan teknologi serta pembangunan tenaga mahir. Kerajaan juga akan memastikan manfaat ekonomi daripada industri ini dinikmati secara inklusif oleh rakyat. Dengan pendekatan lestari dan inovatif, Malaysia berpotensi menjadi pemain utama dalam industri REE di rantau ini.

Hadirin sekalian,

PENGHARGAAN KEPADA KEJAYAAN PROGRAM

16. Beberapa pencapaian telah diterima Kementerian pada awal tahun ini. Saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) kerana telah berjaya berada di kedudukan ke-39 dunia di dalam senarai 174 makmal yang mengambil bahagian di dalam Ujian Kecekapan WEPAL (Wageningen Evaluation Program for Analytical Laboratory) yang berpusat di Wageningen Research and University, Netherlands, bagi sesi 2024.

17. Begitu juga dengan pencapaian JAS yang telah melaksanakan Operasi Bersepadu ke atas premis kilang haram pemprosesan buangan terjadual sisa elektronik ewaste dan Op Hazard yang dijalankan. Pihak JAS berjaya memberkas sindiket memproses e-waste tersebut dan menemui 50 tan sisa peluru, kelongsong serta peluru hidup yang disyaki diseludup ke negara ini untuk diproses secara haram.
18. Tahniah juga diucapkan kepada NRES dalam menghasilkan laporan First Biennial Transparency Report (BTR1) di bawah Perjanjian Paris dalam tempoh yang ditetapkan. Laporan ini merangkumi inventori gas rumah kaca nasional, usaha mitigasi perubahan iklim serta sokongan kewangan, teknologi dan pembangunan kapasiti. Penghasilan BTR1 membuktikan kesungguhan Malaysia untuk mencapai sasaran *Nationally Determined Contributions* (NDC) di bawah Perjanjian Paris iaitu pengurangan 45% intensiti pelepasan GHG menjelang tahun 2030.

Hadirin sekalian,

PENCERAMAH JEMPUTAN

19. Alhamdulillah, pada majlis Balai Raya dan Majlis Iftar kali ini, Kementerian membawakan penceramah yang tidak asing lagi iaitu Ustaz Mohd Hariri Haji Mohamad Daud, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan di JAKIM.

20. Beliau dilahirkan pada 30 Oktober 1984 di Pasir Mas, Kelantan. Beliau sangat sinonim sebagai Moderator Forum Hal Ehwal Islam dan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau juga aktif dalam penulisan buku keagamaan dengan lebih daripada 15 buah buku telah ditulis oleh beliau.
21. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam USIM ini kemudiannya menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia, UPM.
22. Kita yakin dengan perkongsian pada hari ini mengenai nikmatnya Ramadan, akan dapat membuka mata dan hati kita untuk menyucikan hati, agar menjalani bulan yang penuh keberkatan ini dengan khusyuk, ikhlas dan beramal soleh termasuk amalan lestari. Sentiasalah mensyukuri nikmat yang dimiliki hari ini dan berkongsi rezeki dengan alam ini.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

23. Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang hadir dan tidak lupa juga kepada tetamu jemputan kita pada hari ini.
24. Saya percaya, dengan kerjasama dan komitmen yang berterusan, kita akan terus maju ke hadapan dalam mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.

25. Marilah kita terus berusaha dengan penuh dedikasi, bekerja dalam semangat satu pasukan, dan sentiasa mengutamakan kecemerlangan dalam setiap aspek tugas yang diamanahkan.
26. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin berkongsi sepotong ayat dalam surah *Surah An-Najm ayat 39*. “*Dan bahawa sesungguhnya manusia hanya akan mendapat apa yang telah diusahakannya.*”
27. Ayat ini mengingatkan kita bahawa segala usaha yang dilakukan dengan tekun dan dedikasi akan mendatangkan hasil yang sesuai dengan usaha tersebut. Ia mengajarkan kita untuk berusaha dengan sepenuh hati, kerana hasil yang baik datang dari usaha yang gigih.
28. Saya doakan agar kita semua diberi kekuatan, kesihatan yang baik, dan kejayaan dalam setiap usaha yang kita lakukan. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.